

Lanjut ilmu perhutanan

Pelatih Fortrain boleh buat diploma di UPM

>>Oleh Mohd Rafi Mamat

am@hmetro.com.my

KUANTAN: Lepasan sijil Institut Latihan Perhutanan (Fortrain) Kepong, Selangor, kini berpeluang melanjutkan pengajian dalam bidang perhutanan peringkat diploma di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pengiktirafan berkenaan, sekali gus memberi peluang kepada pelatih untuk berkhidmat dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri.

Ketua Pengarah JPSM, Datuk Prof Dr Abdul Rahman Abdul Rahim berkata, sijil yang dikeluarkan Fortrain kini diperakui Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Menurutnya, Fortrain adalah Pusat Latihan Perhutanan pertama di Semenanjung yang menawarkan kur-

sus sijil perhutanan bagi jawatan pengawas dan renjer hutan berkemahiran tinggi.

"Lepasan Fortrain bukan saja memiliki kemahiran mengenali pelbagai spesies pokok balak, tetapi juga mahir dengan aktiviti mengukur kawasan pembalakan termasuk pelbagai tugas yang berkaitan.

"Kami memerlukan kaktangan berkemahiran tinggi untuk melakukan tugas di lapangan mencabar bagi memastikan hasil hutan Malaysia sentiasa terkawal," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Sijil Perhutanan Pengawas dan Renjer Hutan Fortrain yang disempurnakan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr Mohd Ali Mohamad Nor di Kepong, Selangor, baru-baru ini.

Dalam majlis itu, 97 pelatih menerima sijil tamat latihan.

Dr Abdul Rahman berkata, setakat ini, lima lepasan Fortrain sudah melanjutkan pengajian ke UPM selepas masing-masing mendapat keputusan cemerlang pada periksaan.

Menurutnya, bagi memenuhi permintaan untuk belajar di Fortrain yang semakin bertambah pihaknya melakukan beberapa ujian selain sesi temu duga di sekitar negeri.

"Tahun ini 1,500 permohonan diterima, kami hanya mampu menerima 10 peratus bagi kursus pengawas dan renjer hutan berdasarkan kapasiti semasa.

"Kami berusaha meningkatkan jumlah pelatih di Fortrain hingga mencapai 240 orang bagi setiap sesi pengambilan," katanya yang akan memohon peruntukan daripada kerajaan bagi menambahkan prasarana selain menambah jumlah tenaga pengajar.



PERIKSA...Mohd Ali (tengah) dan Abdul Rahman memeriksa perbarisan pelatih ketika Majlis Penyampaian Sijil Perhutanan Pengawas dan Renjer Hutan Fortrain, Kepong, Selangor, baru-baru ini.